



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(*ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD*)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI
DAN ALAM SEKITAR
(*MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY
AND THE ENVIRONMENT*)
TINGKAT 2 & 13, PLAZA PEKELILING,
NO. 2, JALAN TUN RAZAK,
50400 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

AELB
**ATOMIC ENERGY
LICENSING BOARD**
Telefon : 03-4423633/4423657/
4423658/4425462/
4425470/4425633
Telefak : 6-03-4415855

13 Julai 1999

NOTIS PEMBERITAHUAN AELB
BIL. 03/99

**PENGIKTIRAFAN SEMULA PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN DAN PENYELIA
YANG AKAN TAMAT TEMPOH SAHNYA TANPA MENDUDUKI SEMULA
PEPERIKSAAN**

TUJUAN

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen AELB mengenai cara mendapatkan pengiktirafan semula Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) dan Penyelia (PY) yang akan tamat tempoh sahnyanya tanpa menduduki semula peperiksaan.

LATARBELAKANG

2. Adalah menjadi syarat bagi seseorang untuk mendapatkan sesuatu lesen di bawah Akta 304 menggaji atau mengguna khidmat selain orang atau orang-orang yang memiliki pengetahuan, kemahiran atau latihan yang perlu untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti yang hendak dilesenkan itu dijalankan mengikut cara yang melindungi kesihatan pekerja-pekerja dan orang awam dan mengurangkan bahaya kepada nyawa, harta dan alam sekitarnya. Sehubungan dengan itu, pemegang lesen hendaklah mengambil kerja seorang PPS/PY bagi tujuan tersebut.

PERLANTIKAN PPS/PY

3. PPS/PY hendaklah dilantik oleh pemegang lesen dan mengemukakan perlantikan itu kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) untuk mendapatkan pengiktirafan. Calon PPS/PY akan diuji bagi menentukan kefahamannya dalam penggunaan radas, prosedur perlindungan sinaran, prosedur kendalian biasa, prosedur semasa keadaan luar biasa dan sebagainya. Calon tersebut mestilah lulus di dalam ujian tersebut sebelum boleh diiktiraf oleh AELB sebagai PPS/PY. Tempoh maksimum pengiktirafan sebagai PPS/PY yang diberi oleh AELB adalah selama lima (5) tahun. PPS/PY yang telah tamat pengiktirafannya dikehendaki memohon semula kepada AELB dan menduduki semula peperiksaan untuk mendapatkan pengiktirafan semula sebagai PPS/PY.

**PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI PPS/PY TANPA MENDUDUKI SEMULA
PEPERIKSAAN**

4. Walau bagaimanapun PPS/PY yang memenuhi syarat berikut boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan pengiktirafan semula sebagai PPS/PY dengan tanpa menduduki semula peperiksaan :

- i. PPS/PY berkenaan mestilah telah menghadiri kursus perlindungan sinaran "refresher course" yang dikendalikan oleh mana-mana agensi yang diiktiraf oleh AELB dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir perkhidmatannya sebagai PPS/PY.
- ii. PPS/PY berkenaan mempunyai rekod perkhidmatan yang memuaskan semasa bertugas sebagai PPS/PY. Penilaian ini dibuat berdasarkan kepada laporan prestasi syarikat yang terakhir sekali yang disediakan oleh Bahagian Penguatkuasaan. Purata gred yang diperolehi mestilah tidak kurang dari dua (2). Dalam kes di mana seseorang PPS/PY berkenaan tukar berkhidmat dengan syarikat lain penilaian dibuat berdasarkan laporan prestasi syarikat yang mana satu lebih lama PPS/PY berkenaan berkhidmat.
- iii. PPS berkenaan tidak putus perkhidmatannya melebihi satu tahun sebagai PPS dan ini mestilah disahkan oleh OBTL dengan menandatangani perkara 5 di dalam borang PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN/PENYELIA TANPA MENDUDUKI PEPERIKSAAN
- iv. Bagi PPS/PY untuk aktiviti NDT, PPS/PY berkenaan mestilah mengemukakan laporan dos untuk tempoh satu tahun yang terakhir sekali perkhidmatannya sebagai PPS/PY dan dos terkumpul yang diterimanya mestilah tidak melebihi 18 mSv.
- v. PPS/PY berkenaan tidak di senaraihitamkan.
- vi. Kelulusan pengiktirafan semula PPS/PY ini tertakluk kepada keputusan Mesyuarat AELB.

PROSEDUR MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN SEMULA PPS/PY TANPA MENDUDUKI SEMULA PEPERIKSAAN

5. PPS/PY yang akan tamat pengiktirafannya dan ingin mendapatkan pengiktirafan semula sebagai PPS/PY dikehendaki mengemukakan permohonan kepada AELB dengan mengisi lengkap borang PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN/PENYELIA TANPA MENDUDUKI PEPERIKSAAN dalam masa tiga puluh (30) hari sebelum pengiktirafannya tamat.

6. PPS/PY yang tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan di atas tetapi ingin mendapatkan pengiktirafan semula sebagai PPS/PY dikehendaki menduduki semula peperiksaan dengan mengemukakan BORANG PERMOHONAN PEPERIKSAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN SINARAN (LPTA/BPMP) ke AELB dalam masa tiga puluh (30) hari sebelum pengiktirafannya tamat.

PENUTUP

7. Adalah diharapkan semua pemegang lesen mengambil maklum notis pemberitahuan ini. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah
Bahagian Dasar, Kod & Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan
No. Telefon: 03-89225888
No. Faks : 03-89223685
E-mail: pbs@aelb.gov.my
Laman web: <http://www.aelb.gov.my>



RM 1.00

**PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI
* PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN/PENYELIA TANPA MENYUDUKI PEPERIKSAAN**

1. Keterangan Diri Pemohon

A. Nama:
B. No. Kad Pengenalan:
C. Warganegara:
D. No. Kad Pekerja Sinaran (jika ada):
E. Tarikh Tamat Pengiktirafan Terakhir:

2. Keterangan Majikan

A. Nama Agensi:
B. Alamat:
C. No. Telefon: No. Faks:

3. Senarai Kursus Sinaran Yang Pernah Dihadiri Dalam Tiga (3) Tahun Terakhir

(Sila lampirkan salinan sijil kursus yang berkenaan)

Bil.	Tarikh	Nama Kursus	Tempat

4. Pengesahan Pemohon

Saya mengesahkan bahawa semua kenyataan yang diberikan di atas adalah benar.

Tarikh :

(Tandatangan Pemohon)

5. Pengesahan Majikan

Saya (OBTL), No. Kad Pengenalan :
dengan ini mengesahkan bahawa penama di atas adalah * Pegawai Perlindungan Sinaran / Penyelia di agensi saya
dan tidak pernah putus perkhidmatan melebihi satu (1) tahun semasa memegang jawatan tersebut.

Tarikh :

(Tandatangan dan Cop Rasmi Majikan)

* Untuk Pegawai Perlindungan Sinaran / Penyelia di dalam bidang Radiografi Industri, sila lampirkan salinan
laporan dos untuk tempoh satu (1) tahun terakhir dan salinan sijil MLVK.

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Lulus/Gagal
Tempoh sah sehingga:
Nama:
Tarikh:

Bil. _____

b.p. Ketua Pengarah
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

**SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN SEMULA
SEBAGAI PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN/PENYELIA
TANPA MENDUDUKI PEPERIKSAAN**

1. Bagi mendapatkan pengiktirafan semula sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelias tanpa menduduki peperiksaan, Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelias berkenaan mestilah memenuhi semua syarat berikut:

i. Mengemukakan permohonan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan tidak kurang daripada 30 hari dan tidak lebih daripada 60 hari sebelum pengiktirafannya tamat.

ii. Mempunyai rekod perkhidmatan yang memuaskan semasa bertugas sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelias.

iii. Tidak putus tugas (practice) melebihi satu tahun dan ini hendaklah disahkan oleh OBTL dengan menandatangani perkara 5 di dalam borang permohonan.

iv. Telah menghadiri kursus perlindungan sinaran (yang dikendalikan oleh agensi yang diiktiraf) dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir perkhidmatannya sebagai RPO.

2. Bagi aktiviti Radiografi Industri (NDT), Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelias berkenaan mestilah tidak pernah menerima dos terkumpul melebihi 18 mSv/tahun kalendar.

3. Kelulusan untuk mendapatkan pengiktirafan semula sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelias tanpa menduduki peperiksaan ini adalah tertakluk kepada keputusan AELB. Mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas dan ingin untuk mendapatkan pengiktirafan semula masih boleh berbuat demikian dengan menduduki peperiksaan keselamatan perlindungan sinaran.

**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR**

LPTA/BPMP

BORANG PERMOHONAN PEPERIKSAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN SINARAN

A. KETERANGAN DIRI CALON

1. Nama: _____
2. No. K.P./Pasport: _____
3. Tarikh Lahir: _____
4. Jantina: _____
5. Bangsa: _____
6. Warganegara: _____
7. No. Kad Pekerja Sinaran: _____
(jika ada)
8. Kursus Sinaran: Ada Tiada
(Sila lampirkan sijil kursus jika ada)

B. UJIAN LEMBAGA ATAU MLVK YANG PERNAH DIAMBIL

Jenis ujian (9)	Tarikh (10)	Keputu- san (11)	Lantik sebagai (12)	Tempoh (13)

C. KETERANGAN DIRI MAJIKAN

14. Nama & alamat : _____
15. No. Fail (jika ada): _____
16. Berurusan dengan : Bahan radioaktif Radas Penyinaran Mineral/Tencom

D. PEPERIKSAAN YANG DIPOHON

17. Kertas peperiksaan :
 - (a) Radiografi industri : Bahan Radioaktif Radas Penyinaran
 - (b) Tolok : Bahan Radioaktif Radas Penyinaran
 - (c) Penjual : Bahan Radioaktif Radas Penyinaran
 - (d) Institut Pengajian Tinggi/Pusat-Pusat Penyelidikan : Bahan Radioaktif Radas Penyinaran
 - (e) Mineral/Tencom : Bahan Radioaktif Radas Penyinaran
 - (f) Lain-lain (nyatakan) : _____

18. Dipohon sebagai :

- (a) Juruperunding (b) Peg. Perlindungan Sinaran (c) Penyelia (d) Lain-lain (nyatakan)

E. PERAKUAN MAJIKAN DAN CALON

19. Dengan ini disahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan beresetuju mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga.

**

(Tandatangan & Cop Majikan)

(Tandatangan Calon)

(Tarikh)

F. UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA SAHAJA

20. Permohonan diluluskan / tidak diluluskan _____
21. Kertas peperiksaan : _____
22. Jenis peperiksaan : _____
23. Tarikh peperiksaan : _____
24. Tempat peperiksaan : _____
25. Tandatangan Pegawai penilaian/Urusetia Peperiksaan: _____
(Tandatangan) (Tarikh)

** Sila kosongkan ruangan ini. Tandatangan calon hanya akan diminta apabila calon hadir untuk peperiksaan nanti. (SILA ISI DALAM DUA (2) SALINAN)

PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN

(Peringatan : Sila isi dalam dua (2) salinan)

- Perkara 1 - 6 : Jelas. Tak perlu penjelasan.
- Perkara 7 : Kosongkan ruangan ini bagi calon baru atau yang tidak pernah menduduki peperiksaan Lembaga.
- Perkara 8 : Jelas. Tak perlu penjelasan.
- Perkara 9 : Nyatakan jenis ujian yang telah diduduki oleh calon samada di Lembaga atau MJK.
- Perkara 10 : Nyatakan tarikh-tarikh peperiksaan yang telah diambil.
- Perkara 11 : Tuliskan kod L untuk lulus, LB untuk lulus berkelayaran, G untuk gagal atau MT untuk mengulangi teori.
- Perkara 12 : Tuliskan kod
- 1 - untuk juruperunding
 - 2 - untuk pegawai perlindungan maritim
 - 3 - untuk penyelia
 - 4 - untuk pengendali
 - 5 - untuk lain-lain selain daripada di atas dan nyatakan.
- Perkara 13 : Nyatakan tempoh sah keputusan dalam perkara 11.
Contoh : Disember 1992
- Perkara 14 : Jelas. Tak perlu penjelasan.
- Perkara 15 : Tuliskan nombor fail seperti yang terdapat pada lesen. Kosongkan ruangan ini bagi yang baru memohon lesen.
- Perkara 16 : Tandakan satu atau lebih di mana berkenaan.
- Perkara 17 : Tandakan satu atau lebih di mana berkenaan dan mengikut aktiviti yang dijalankan.
- Perkara 18 : Jelas. Tak perlu penjelasan.
- Perkara 19 : Pastikan ruangan untuk sahaja ditandatangani sebelum menghantar borang permohonan. Kosongkan ruangan tandatangan calon.
- Perkara 20 - 25 : Untuk kegunaan Lembaga sahaja.